

BAB 6

NILAI KELUARGA

6.1 DEFINISI KELUARGA

Istilah "keluarga" memberi makna yang berbeza kepada orang yang berbeza di samping boleh berubah mengikut pola kehidupan sesebuah masyarakat (Belen T.G. Medina, 1991: 12). Pelbagai definisi tentang keluarga telah diberikan oleh pengkaji dari berbagai-bagai disiplin ilmu yang terpengaruh dengan bidang kajian masing-masing. Ernest W. Burgess dan Harvey J. Locke (1971: 7) mentakrifkan keluarga seperti berikut:

"... a group of persons united by ties of marriage, blood, or adoption; constituting a single household; interacting and communicating with each other in their respective social roles (husband and wife, mother and father, son and daughter, brother and sister); and creating and maintaining a common culture".

Manakala Scott Coltrane (1998: 5) pula menghuraikan istilah keluarga sebagai:

"... a set of interpersonal relationships, alerts us to the social meaning of those relationships, and suggest ways to think and act as we go about our daily lives".

Pentakrifan yang diberikan oleh Burgess dan Locke serta Scott Coltrane memberi gambaran bahawa keluarga ialah tentang kehidupan bersama oleh sekurang-kurangnya dua orang yang mempunyai pertalian sama ada perkahwinan, darah atau anak

angkat. Hubungan tersebut boleh berupa suami dan isteri, ibu dan anak, datuk dan cucu dan beberapa gabungan yang lain. Dalam menjalani kehidupan bersama itu unsur-unsur perhubungan, interaksi dan komunikasi yang berasaskan peranan masing-masing di kalangan anggotanya adalah penting bagi melancarkan kehidupan berkeluarga.

Walaupun anggota keluarga biasanya mempunyai tempat kediaman yang sama dan membentuk cara hidup yang sama, namun terdapat juga anggota keluarga yang tinggal di tempat yang lain dan dianggap sebagai anggota keluarga. Faktor-faktor seperti pendidikan anak-anak dan pekerjaan ibu bapa kadang kala menyebabkan anak-anak atau ibu bapa tidak dapat tinggal bersama dalam jangka masa yang lama atau tinggal berasingan daripada keluarga. Walaupun tidak tinggal bersama, mereka masih mengekalkan hubungan kasih sayang, kemesraan dan saling membantu antara satu sama lain apabila diperlukan (Wan Abdul Kadir Yusof, 1993a: 147). Perhubungan ini adalah berdasarkan status dan peranan masing-masing sebagai anggota keluarga (Ismail Yusoff, 2001: 86).

Berdasarkan keanggotaannya, keluarga boleh diklasifikasikan kepada dua bentuk yang utama, iaitu keluarga asas dan keluarga luas. Keluarga asas dianggotai oleh suami isteri dan anak-anak mereka; manakala keluarga luas mencakupi selain keluarga asas, anggota lain yang mempunyai hubungan kekeluargaan (George Murdock, 1949: 1-2). Keanggotaan keluarga dalam masyarakat tradisional biasanya terdiri daripada keluarga luas. Namun demikian, di dalam masyarakat kini yang telah mengalami perubahan struktur sosio-ekonomi, keadaan keluarga luas ini turut terjejas. Kebanyakan keluarga terutama di bandar-bandar hanya terdiri daripada keluarga asas.

Dari perspektif Islam tidak wujud istilah “keluarga asas” atau “keluarga luas” (Zaleha Kamaruddin dan Raihanah Abdullah, 2002: 64). Keanggotaan keluarga dalam Islam adalah selaras dengan konsep muhrim, iaitu ahli-ahli keluarga yang tidak boleh membatalkan air sembahyang. Dengan yang demikian, dapatlah dikatakan bahawa konsep keluarga dalam Islam merangkumi konsep keluarga luas. Konsep ini tidak sejajar dengan konsep keluarga yang dipegang oleh ahli-ahli sosiologi Barat.

Ikatan kekeluargaan ditandai atau didahului dengan perkahwinan. Sesuatu perkahwinan boleh berbentuk monogami, iaitu suami/ isteri mempunyai seorang isteri/suami sahaja dalam satu-satu masa; atau poligami iaitu suami/isteri mempunyai lebih daripada seorang isteri/suami dalam satu-satu masa. Dalam setiap masyarakat, memasuki alam perkahwinan bermakna memegang peranan yang baru, tetapi hak dan tanggungjawab yang berkaitan dengan peranan tersebut adalah berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain (Robert A. Lavenda dan Emily A. Schultz, 2003: 171).

Dalam Islam, bentuk poligami yang dibenarkan hanyalah bagi pihak suami sahaja iaitu seorang suami boleh mempunyai lebih daripada seorang isteri sehingga empat orang sebagaimana yang ditetapkan dalam Al-Quran. Walau bagaimanapun keharusan Islam terhadap perkahwinan poligami ini bukan sekadar menghadkan bilangan isteri yang dibenarkan berkahwin dalam satu-satu masa tetapi juga keadilan merupakan unsur yang penting dalam perkahwinan tersebut (Zaleha Kamaruddin dan Raihanah Abdullah, 2002: 128). Amalan berpoligami ini bukanlah merupakan amalan yang meluas di kalangan umat Islam (Muhammad Abdul Rauf, 1994: 8). Dalam konteks

masyarakat Melayu-Islam, kajian R. Firth menunjukkan kurang daripada 3% yang mengamalkan poligami. Manakala Wan Hashim dan Laderman menyatakan bahawa amalan ini lebih kerap dilakukan oleh masyarakat pertengahan dan atasan dan jarang diamalkan oleh rakyat biasa (Wan Abdul Halim Othman, 1993: 68).

6.2 SISTEM NILAI KEKELUARGAAN

Menurut Patricia Smith (1999: 124) nilai keluarga ialah komitmen yang berkekalan terhadap nilai-nilai yang diperlukan bagi mengekal dan mempertahankan suatu bentuk keluarga yang tertentu. Nilai-nilai tersebut boleh berupa apa sahaja bergantung kepada kepentingannya kepada keluarga yang berkenaan. Manakala Lamana dan Riedmann (1981: 581) memberi takrifan nilai keluarga sebagai nilai-nilai yang memberi fokus kepada kelompok keluarga sebagai satu keseluruhan dan bagi mengkalkan identiti dan kesepaduan keluarga.

Keluarga adalah sebuah institusi yang terdapat dalam semua masyarakat manusia. Ia merupakan institusi sosial yang pertama dan paling lama yang dilalui oleh seseorang individu serta merupakan asas dalam pengalaman kehidupan. Sebagai elemen yang penting dalam kehidupan manusia, ia mempunyai impak terpenting dalam pembentukan peribadi (Kurt Kreppner, 1992: 162). Lantaran itu, fenomena dalam keluarga itu memainkan peranan yang penting dalam menentukan kedinamikan serta kesinambungan kewujudannya.

Setiap keluarga mempunyai nilai dan kepercayaannya yang tersendiri sebagai peraturan bagi mengawal perlakuan anggota keluarganya. Nilai keluarga ini berbeza-beza antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain dan juga antara kelompok-kelompok dalam sesebuah masyarakat (Randal D. Day, et. al. 1995: 4).

Olson dan Lavee (1989: 167) menyatakan bahawa nilai keluarga dapat dihuraikan berdasarkan tiga dimensi yang kritikal iaitu kesepaduan, adaptasi, dan komunikasi. Ketiga-ketiga dimensi ini akan menentukan kedinamikan sesebuah keluarga atau perkahwinan.

Kesepaduan merujuk kepada ikatan emosi anggota keluarga di antara satu sama lain (Olson dan Lavee, 1989: 167). Keluarga merupakan satu kelompok yang intim dan padu. Ikatan dalam keluarga adalah berdasarkan emosi dan sentiman sehingga kebanyakan orang menganggap keluarga merupakan objek yang paling berharga dalam kehidupan mereka dan merasakan kehidupan yang lebih baik adalah dalam lingkungan keluarganya. Justeru itu, segala kesenangan dan kesusahan yang dihadapi oleh keluarga akan turut dirasai bersama oleh semua anggota keluarga (Yaacob Harun, 1991: 12-13).

Corak interaksi penting dalam menentukan kesepaduan sesebuah keluarga. Interaksi dalam keluarga menetapkan jangkaan bagaimana anggota keluarga harus bertindak terhadap satu sama lain dan adalah penting bagi setiap anggota keluarga tahu apa yang dianggap sebagai tindakan yang "betul" atau "normal" semasa berinteraksi (James Garbarino, 1982: 70). Interaksi dalam keluarga dapat dilihat dari segi interaksi suami dan isteri, ibu bapa dan anak, dan hubungan adik beradik. Menurut Yaakop

Harun (1991: 13) interaksi dan hubungan setiap anggota keluarga antara satu sama lain adalah berasaskan pola yang tetap; yang meliputi peranan, tingkah laku, hak dan juga tanggungjawab terhadap satu sama lain. Hal ini berlandaskan kepada satu sistem jangkaan yang perlu diikuti.

Sesebuah keluarga pada asasnya terbentuk melalui perkahwinan. Dengan perkahwinan ini menyediakan anggota-anggota dewasa dalam masyarakat dengan cara-cara yang dibenarkan untuk memenuhi keperluan seksual mereka serta melibatkan perhubungan dan permuafakatan di antara pasangan yang berkahwin agar perhubungan yang ideal dapat diwujudkan. Setiap suami isteri mempunyai gambaran yang jelas tentang bagaimana dia sebagai suami atau isteri perlu berhubung dan menyesuaikan antara satu sama lain berasaskan peranan. Hal ini bermakna dalam perhubungan yang ideal ini interaksi suami isteri harus memenuhi segala tanggungjawab yang berkaitan dengan peranan mereka di samping unsur-unsur yang boleh menyemai kepada kebahagiaan rumah tangga. Jika komitmen ini gagal dipenuhi, maka perhubungan akan menjadi hambar atau perkahwinan akan menemui kegagalan.

Namun demikian, Lamana dan Riedman (1981) menganggap bahawa menjangkakan perhubungan yang ideal apabila pasangan berkahwin merupakan khayalan yang membahayakan. Kebahagiaan tidak berlaku dengan sendirinya apabila pasangan berkahwin tetapi memerlukan usaha kedua-kedua suami dan isteri agar perkahwinan mereka berjaya. Menurutnya tentang perkahwinan:

"... it needs care and knowledgeable concern if it is to grow and ripen fully. An emotionally strong relationship demands that both partners be aware of their own and each other's emotional and sexual needs, that they know how to communicate with each other supportively, and that they know how to deal effectively with conflict".

(Mary Ann Lamana dan Agnes Riedman, 1981: 14)

Robert A. Hinde (1999: 155) juga menganggap bahawa dalam banyak hubungan suami isteri, kekuahan hubungan bukan bergantung kepada usaha-usaha untuk mendapatkan yang ideal tetapi adalah disebaliknya, iaitu berusaha untuk mengelak keadaan-keadaan yang tidak diingini agar perceraian dapat dielakkan. Malahan dalam perhubungan perkahwinan yang tidak bahagia sekalipun ikatan perkahwinan cuba dikenalkan kerana takutkan akibat-akibat yang lebih buruk seperti kesunyian, kehilangan sumber kewangan dan status sosial. Di samping itu, agama dan masyarakat juga mengharapkan hubungan suami isteri berasaskan kasih sayang dan kejujuran agar ikatan perkahwinan berkekalan.

Hubungan emosional di antara ibu bapa dengan anak menjadi asas terpenting bagi kesepadan hidup berkeluarga. Anak adalah anugerah Tuhan kepada pasangan yang berkahwin dan sumber kebahagian keluarga. Hubungan tersebut bukanlah sekadar memberi makan minum, pakaian dan tempat tinggal tetapi juga meliputi aspek kejiwaan. Menurut Al-Ghazali, anak adalah mutiara berharga yang bersih daripada sebarang kontenggan dan menjadi amanah ke atas kedua-dua ibu bapanya untuk menjaganya dengan baik (Adil Za'bub, 1993: 59). Kualiti perkembangan kanak-kanak banyak bergantung pada tahap kesejahteraan dan kebahagiaan institusi keluarga yang menjadi tempat kanak-kanak itu membesar (Nik Azis Nik Pa, 1994: 161). Ahli-ahli psikologi

kanak-kanak juga telah membuktikan bahawa nilai yang diperolehi oleh seseorang itu di peringkat awal kehidupannya ialah dalam lingkungan kehidupan keluarganya. Sehubungan dengan itu, amalan asuhan atau interaksi di antara ibu bapa dengan anak adalah penting bagi perkembangan optimum anak mereka (David Paul Lindecamp, 1981: 39).

Penyaluran nilai dalam keluarga berlaku melalui dua mekanisme iaitu peneguhan dan pemodelan (Gail Freedman Melson, 1989: 129). Ibu bapa dan anggota keluarga adalah kelompok yang rapat dan terdekat dalam membentuk keperibadian individu. Dalam upaya untuk membina keluarga yang mengamalkan nilai-nilai yang positif, ibu bapa merupakan model dan teladan yang memainkan peranan penting dalam pembentukan jiwa dan peribadi seorang anak. Setiap yang dipamerkan oleh ibu bapa sama ada berupa amalan, pertuturan, gerak geri dan sikapnya akan diperhatikan oleh anak-anak secara tidak langsung akan terus meresap ke dalam jiwa anak-anak (Abdullah Nasih Ulwan, 1991: 140). Perumpamaan Melayu “Bapa borek anak rintik” dan “Bagaimana acuan begitulah kuihnya” menjelaskan hakikat ini. Walaupun perumpamaan ini tidak dapat dirujukkan kepada semua keluarga tetapi ia dapat dijadikan sebagai suatu pegangan umum berkaitan dengan pengaruh ibu bapa dalam proses pembentukan tingkah laku anak-anak mereka. Di samping itu, kanak-kanak juga mempelajari tingkah laku dengan cara memerhatikan orang lain yang ada kaitan dengan diri mereka. Dengan yang demikian, seseorang kanak-kanak dalam sesebuah keluarga itu mempelajari cara-cara bertingkah laku melalui peraturan-peraturan yang ditentukan oleh ibu bapanya dan juga melalui contoh-contoh yang dipamerkan oleh ibu bapanya dan anggota keluarga yang lain yang berbeza-beza umur dan jantinanya.

Ibu bapa juga bertanggungjawab untuk memberikan pendidikan di samping berbuat baik kepada anak-anak mereka. Berbuat baik kepada anak-anak bukanlah bermakna menuruti segala kehendak anak-anak tetapi dengan cara menghormati perasaan mereka. Melalui peneguhan anak-anak diberi ganjaran bagi tingkah laku yang bersesuaian dengan nilai yang diingini dan didenda bagi tingkah laku yang bercanggah dengan nilai yang dipegang oleh keluarganya. Segala teguran dan hukuman perlu dilakukan secara berhikmah tanpa mencabar harga diri anak-anak. Curahan kasih sayang terhadap anak-anak hendaklah sama-sama tanpa membezakan antara satu sama lain bagi mengelakkan rasa tidak puas hati di kalangan mereka. Oleh kerana hubungan yang berterusan dan berulang-ulang dalam jangkamasa yang lama, maka pengalaman-pengalaman dalam keluarga akan memberi kesan yang mendalam dalam diri individu.

Menurut William J. McCarthy *et. al.* (1994: 170-171) individu yang dibesarkan dalam keluarga yang utuh dan mendapat perhatian daripada ibu bapanya akan mencapai perkembangan kognitif dan kematangan sosial yang baik. Menurutnya lagi, kajian-kajian tentang amalan asuhan ibu bapa menunjukkan bahawa ibu bapa yang menggalakkan autonomi dan kebebasan berusaha serta berbincang dengan anak-anak mereka tentang perlakuan-perlakuan yang bersesuaian mempunyai anak yang lebih berkebolehan berbanding dengan kanak-kanak dari ibu bapa yang kurang berkomunikasi dengan anak-anak mereka kerana mereka bersifat autoritarian atau tidak mengambil kisah. Begitu juga halnya dengan keruntuhan keluarga yang membawa kepada hubungan yang tegang di antara ibu bapa dengan anak-anak mereka. Kajian-kajian menunjukkan bahawa hubungan yang tegang ini memberi kesan negatif terhadap

perkembangan kognitif dan sosial serta meningkatkan salah laku dan gangguan emosi di kalangan kanak-kanak.

Amalan asuhan ibu bapa juga memberi kesan terhadap pembentukan konsep diri anak-anak mereka. Pengalaman-pengalaman yang berdasarkan kasih sayang, sokongan dan galakan merupakan asas bagi pembentukan konsep diri yang positif. Sebaliknya, pengalaman-pengalaman yang berdasarkan kepada sikap ibu bapa yang keras dan kasar, negatif serta tidak memberi sokongan akan membawa kepada pembentukan konsep diri yang negatif. Kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa yang sedemikian akan berasa tidak puas hati dengan diri mereka sendiri serta cenderung untuk memperkecilkan kualiti dan kebolehan diri. Disebabkan oleh kurang keyakinan diri ini akan menyebabkan mereka takut untuk mengambil risiko, enggan untuk bersaing dengan orang lain dan akan sentiasa bimbangkan kegagalan (Margit Kiraly Devai,1990: 88).

Tegasnya, corak interaksi yang positif di antara ibu bapa dengan anak akan dapat membentuk peribadi anak-anak agar menjadi insan yang baik dan berguna. Anak-anak akan dapat berfungsi sebagai anak dengan baik dan sedar akan tanggungjawab terhadap ibu bapa mereka. Keadaan ini akan dapat menjamin ikatan kekeluargaan dan hubungan kasih sayang yang berkekalan. Rasa tanggungjawab dan kasih sayang ini juga akan dapat memberi sokongan dan perlindungan kepada ibu bapa apabila mereka tidak lagi berupaya untuk menyediakan keperluan-keperluan mereka sendiri apabila tua nanti.

Interaksi yang sihat dan baik di kalangan adik beradik dalam sesebuah keluarga juga boleh mencorakkan kesepadan sesebuah keluarga. Keakraban dan kemesraan

merupakan perkara yang penting dalam perhubungan adik beradik. Adik beradik banyak menghabiskan masa bersama dalam unit keluarga dan mereka berasa gembira semasa bersama. Perhubungan yang sedemikian akan menjadikan setiap anggota keluarga saling mengenali dan memahami, menyayangi, menghargai, melindungi dan mengormati antara satu sama lainnya. Mereka setia antara satu sama lain dan sedia memberi bantuan apabila diperlukan. Lantaran itu, ikatan kekeluargaan dan komitmen kepada keluarga dapat berkembang di kalangan ahlinya. Menurut H.M. Dahlan (1997: 88) unsur keakraban dan kemesraan inilah yang berperanan sebagai sumber sokongan dan kekuatan psikologi bagi anggota-anggota keluarga. Kajian yang dijalankan oleh Anderson dan Rice pula mendapati bahawa perubahan-perubahan yang berlaku dalam keluarga menyumbang kepada konflik atau pertentangan dalam perhubungan adik beradik. Perhubungan adik beradik yang negatif banyak terdapat dalam keluarga tiri dan keluarga yang ibu bapa mereka bercerai (Donna Conchenour dan Kent Chrisman, 2000: 55).

Keutuhan sesebuah keluarga amat bergantung kepada bagaimana setiap anggotanya menjalankan tanggungjawab dan peranan yang dijangkakan daripada mereka. Anggota keluarga menjalankan peranan tertentu sama ada sebagai suami atau bapa, isteri atau ibu, anak lelaki, anak perempuan, abang, kakak dan sebagai adik lelaki atau adik perempuan. Masing-masing dijangkakan menjalankan tanggungjawab kekeluargaan berdasarkan peranan sosial yang ditentukan oleh budaya bagi memenuhi keperluan keluarga yang berbagai-bagai (Yaacob Harun, 1999: 115 – 116). Sebagai contohnya, suami sebagai ketua keluarga mempunyai tanggungjawab sebagai penaung dan pelindung terhadap isteri dan anaknya. Ia berperanan dalam menentukan hala tuju

keluarga yang dipimpinnya. Sekiranya tanggungjawab ini dapat dilaksanakan dengan baik dan ikhlas, nescaya ia akan dapat membina keutuhan keluarganya. Isteri atau ibu pula merupakan peneraju yang utama dari segi penjagaan anak-anak, memasak, mengemas serta menyediakan kebanyakan daripada keperluan-keperluan untuk ahli keluarga yang lain. Seseorang isteri itu dianggap tidak bertanggungjawab jika peranan-peranan yang diharapkan daripadanya diabaikan.

Anak-anak pula hendaklah sentiasa menghormati, mematuhi dan memberikan taat setia kepada ibu bapa mereka. Keadaan ini diperkuuhkan dengan nilai agama yang meletakkan ibu bapa pada kedudukan yang tinggi dan perlu dihormati oleh anak-anak. Tambahan pula agama Islam amat menitikberatkan akhlak yang baik kepada ibu bapa dan mentaati mereka selagi tidak bertentangan dengan syarak walaupun jika keduaduanya bukan beragama Islam. Namun demikian, jika ibu bapa mengharapkan diri mereka dihormati oleh anak-anak mereka, maka sewajarnya ibu bapa turut menghormati anak-anak mereka walaupun jika mereka masih kecil. Adalah menjadi kebiasaan anak-anak mempelajari dan membalias cara mereka dilayani oleh ibu bapa mereka. Tegasnya, keluarga yang utuh adalah di mana setiap ahlinya menjaga tatasusila dalam hubungan di antara satu sama lain, mempunyai komitmen yang tinggi terhadap keluarga serta tahu peranan dan tanggungjawab masing-masing.

Apabila anggota keluarga melaksanakan peranannya dengan baik, maka perasaan saling menyayangi, menghormati, menghargai dan mempercayai antara satu sama lain serta sikap yang positif sesama mereka akan dapat dibentuk. Keadaan ini akan dapat mewujudkan keharmonian dalam keluarga yang mempunyai sifat-sifat

menentukan kedudukan dan peranan keluarga dalam masyarakat (Vimala Pillari dan Moses Newsome, Jr., 1998: 40). Kerjasama ekonomi ini akan berterusan ke peringkat edaran hidup keluarga selanjutnya dan corak kerjasama ini berubah mengikut keadaan semasa. Ibu bapa yang telah tua atau mengalami sakit yang kritikal tidak lagi menyediakan keperluan anak-anak mereka. Maka tanggungjawab ini akan berpindah kepada anggota keluarga yang lain untuk menyediakan keperluan-keperluan bagi keluarga tersebut.

Dimensi fleksibiliti atau penyesuaian merujuk kepada keupayaan keluarga untuk menukar struktur kuasa, peranan, dan peraturannya sebagai reaksi terhadap keperluan dan desakan semasa dalam kehidupan berkeluarga (Olson dan Lavee, 1989: 170). Keluarga yang utuh ialah keluarga yang memelihara kesepadanannya dengan membuat penyesuaian-penesuaian terhadap keperluan anggota-anggotanya dan kehendak semasa. Oleh kerana keluarga merupakan institusi yang dinamik maka adalah penting untuk keluarga itu berubah sesuai dengan keperluan semasa. Sebaliknya, keluarga yang enggan membuat perubahan dan penyesuaian dalam peranan dan norma dianggap sebagai keluarga yang pincang (Dennis Orthner, 1995: 15). Tegasnya, kemampuan sesebuah keluarga untuk menyesuaikan dengan keadaan dan keperluan semasa memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaannya.

Perkahwinan dan kehidupan berkeluarga memerlukan perubahan-perubahan sama ada yang kecil atau besar sepanjang kehidupan mereka. Perubahan-perubahan ini adalah perlu bagi mencapai dan mengekalkan perhubungan yang harmoni serta untuk menyesuaikan dengan kehendak-kehendak persekitaran dan masyarakat semasa yang

sering berubah. Contohnya, apabila pasangan yang berkahwin menjadi ibu bapa, keluarga tersebut hendaklah menyusun semula cara kehidupan mereka bagi menyesuaikannya dengan kehadiran anggota keluarga yang baru. Kemudiannya dengan kehadiran anggota-anggota yang lain dan apabila kanak-kanak tersebut meningkat remaja, maka pola interaksi, bentuk perhubungan serta peraturan yang baru perlu diadakan bagi menyesuaikan dengan situasi semasa. Jika ibu bapa atau suami isteri dapat menyesuaikan dengan keadaan-keadaan yang baru dengan lancar, perhubungan dengan anak-anak mereka akan menjadi lebih baik. Dengan yang demikian akan memberi kesan yang positif terhadap perkembangan anak-anak mereka kemudiannya (Donna Conchenour dan Kent Chrisman, 2000: 52).

Begitu juga halnya apabila ada di kalangan anggota keluarga ditimpa penyakit yang kritikal, suami sebagai penyara keluarga tidak lagi bekerja, isteri mula bekerja, atau perkahwinan anak antara contoh yang mana memerlukan perubahan dalam keluarga. Menurut Olson dan Lavee (1989: 170) keupayaan untuk berubah apabila diperlukan akan membezakan perkahwinan dan keluarga yang berfungsi dengan yang lainnya.

Apabila anggota keluarga tinggal bersama dalam jangka masa yang lama, mereka mengenali antara satu sama lain dan membentuk pola tertentu untuk berhubung sesama mereka. Masing-masing anggota cuba menyesuai dan melibatkan diri dengan aktiviti keluarga dan keluarga juga cuba untuk menyesuaikan dengan keperluan semua anggotanya yang sering berubah. Begitu juga dengan hal-hal yang berkaitan dengan kepercayaan, anggapan dan nilai yang berbeza-beza di kalangan anggotanya. Dengan yang demikian, sesebuah keluarga itu hanya akan dapat berfungsi dengan baik apabila

Komunikasi juga penting bagi sesebuah keluarga itu untuk memahami antara satu sama lain. Selaras dengan keperluan dan keutamaan keluarga yang sering berubah maka dengan berkomunikasi antara satu sama lain akan membolehkan anggota keluarga untuk berkongsi perubahan keperluan dan keutamaan mereka. Dengan cara ini, segala perasaan dapat diluahkan dan tiada perasaan yang terpendam. Manakala salah faham atau permasalahan ditangani secara perbincangan atau perkongsian pandangan. Dengan yang demikian, asas yang membolehkan kelancaran komunikasi dalam keluarga ialah perasaan bersama. Kegagalan untuk berkomunikasi dengan baik adalah disebabkan tidak wujud perasaan bersama atau tidak ada pengalaman untuk dikongsikan.

Pola dan cara komunikasi ibu bapa boleh mempengaruhi tingkah laku anaknya, perhubungan dengan anaknya, dan seluruh sistem keluarga. Dalam keluarga yang mana ibu bapa mengamalkan komunikasi yang berkesan, anak-anak tidak akan berasa kekok untuk berhadapan dengan mereka. Percakapan mesra dan terus terang serta mereka tidak berasa takut untuk bertanya, meluahkan perasaan atau menyatakan pandangan tentang sesuatu perkara. Sesuatu pengajaran dan nasihat disampaikan dengan cara yang baik. Manakala teguran disampaikan secara bijaksana supaya tidak menyinggung perasaan orang yang ditegur di samping tidak menggunakan bahasa yang kasar dan lucah. Dengan suasana yang sedemikian, segala pengalaman dan masalah keluarga dapat dikongsi bersama dan perasaan curiga dapat dihapuskan. Dalam hal ini, adalah penting untuk suami isteri mempunyai komunikasi yang baik kerana jika kedua-duanya menghadapi masalah untuk berkomunikasi secara berkesan, maka amat sukarlah bagi mereka untuk berkomunikasi serta menerapkan nilai-nilai yang murni kepada anggota keluarga yang lain. Sebaliknya masalah berkomunikasi dan komunikasi yang negatif

seperti tidak dapat menyampaikan pandangan dengan berkesan, pilih kasih dan kritikan akan melahirkan ketegangan dan salah faham dalam keluarga. Keadaan ini akan mengurangkan keupayaan anggota keluarga untuk berkongsi perasaan dan pengalaman serta menghadkan kelancaran perhubungan di kalangan mereka.

Sebagai agen sosialisasi yang pertama dan utama, keluarga menyediakan anggotanya tentang bagaimana untuk berperanan dengan berkesan dalam masyarakatnya kelak. Dari keluarga lahirnya individu berpotensi dan berwibawa serta berfikiran terbuka ke dalam masyarakatnya kerana latihan-latihan yang diterima di rumah akan memberi kesan yang mendalam ke dalam jiwa individu. Proses ini berlaku sejak ia dilahirkan sehingga ia dewasa. Lantaran itu, ibu bapa sebagai agen utama dalam keluarga perlu tahu ke arah mana anak-anak mereka ingin dibawa. Pengalaman-pengalaman yang baik daripada ibu bapa akan membolehkan anak-anak mengalami pertumbuhan yang seimbang dari segi rohani dan jasmaninya. Pertumbuhan dan pembentukan individu yang seimbang ini sangat penting sebelum ia dapat menuai tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya apabila ia berkeluarga kelak. Dalam hal ini, pendidikan agama yang sempurna memainkan peranan yang penting dalam menyumbang penerapan nilai-nilai kekeluargaan. Pada kebiasaan lingkungan kekeluargaan yang tidak menekankan nilai agama mempunyai hubungan kekeluargaan yang longgar (Chiam Heng Keng, 1995: 88).

Dengan yang demikian, proses sosialisasi keluarga hendaklah melibatkan tingkah laku yang akur kepada nilai dan norma kemasyarakatan. Hal ini juga kerana institusi ini terikat dengan sistem ekonomi, politik dan pendidikan dalam masyarakat (Gail

Freedman Melson, 1989: 3). Di samping itu, masyarakat juga mengambil berat cara sesebuah keluarga melaksanakan pelbagai tugasnya kerana menganggap keluarga penting sebagai asas solidariti sosial dalam masyarakat tersebut di samping turut memberi sumbangan kepada daya hidup masyarakat itu sendiri. Kalau dalam sesebuah masyarakat itu ada keluarga yang bermasalah, ia biasanya membawa masalah kepada masyarakat. Lantaran itu, masyarakat akan menghukum anggota keluarga yang tidak berkelakuan dengan sewajarnya dan memuji mereka yang patuh (William G. Goode, 1982: 18).

Menurut Yaakop Haron (1991 :35), selain mendidik anak-anak supaya bertingkah laku dalam lingkungan peraturan kemasyarakatan yang ditetapkan, proses pembelajaran dan sosialisasi di peringkat keluarga juga merangkumi usaha untuk melengkapkan anak-anak dengan pelbagai keahlian sebagai persediaan bagi menghadapi zaman dewasa. Dengan yang demikian anak-anak tersebut akan dapat menyesuaikan diri dengan rencah kehidupan apabila dewasa kelak.

Pembentukan sistem nilai yang berbeza antara keluarga adalah dipengaruhi oleh orientasi nilai sesebuah keluarga itu. Orientasi nilai merujuk kepada nilai yang berkaitan dengan kepercayaan dan sikap yang dihargai dan menjadi keutamaan sesebuah keluarga. Keluarga memilih orientasi nilai yang tertentu sebagai landasan untuk berfungsi agar dapat memenuhi keperluan mereka sendiri sebagai individu dan kelompok kecil yang saling berinteraksi. Contohnya, keluarga yang terlalu berorientasikan ekspresi lebih mengutamakan ekspresi emosi di mana anggota keluarga dibenarkan bertindak secara terbuka dan menyatakan perasaan secara langsung yang terbuka termasuk pertentangan.

Sebaliknya keluarga yang berorientasikan struktur lebih mengutamakan nilai moral-keagamaan dan menyembunyikan ekspresi sebenar ketika menghadapi pertentangan atau sedang marah (Gail Freedman Melson, 1989: 136-137).

Menurut James Garbarino, keluarga yang utuh ialah keluarga yang mempunyai darjah kebahagian perkahwinan yang tinggi, kadar kepuasan yang tinggi dalam hubungan di antara ibu bapa dengan anak-anak mereka dan keluarga itu juga berjaya dalam memenuhi keperluan ahlinya. Manakala kajian yang dijalankan oleh Nicholas Stinnet merumuskan enam ciri yang menyumbang ke arah keutuhan keluarga iaitu saling menghargai antara satu sama lain, menghabiskan masa bersama dan berasa gembira apabila bersama, mengamalkan cara berkomunikasi yang berkesan, mempunyai komitmen terhadap keluarga, mempunyai pegangan agama yang kukuh dan menghadapi krisis dengan cara yang positif (James Garbarino, 1982: 72-73). Wan Abdul Halim Othman (1993: 63 – 64) pula menyatakan bahawa perbezaan hubungan dan suasana kekeluargaan antara sebuah keluarga dengan keluarga yang lain adalah disebabkan oleh faktor-faktor struktur sosial, nilai kebudayaan, nilai keagamaan, taraf sosio ekonomi, pekerjaan dan peribadi.

Perubahan sosio-ekonomi yang berlaku sejak kebelakangan ini telah meninggalkan impak terhadap institusi keluarga. Institusi keluarga telah melalui perubahan-perubahan untuk menyesuaikan dengan keadaan-keadaan semasa. Walaupun nilai-nilai asas keluarga tidak berubah secara tiba-tiba, namun norma-norma perlakuan keluarga seperti jangkaan tingkah laku yang berkaitan status dan peranan anggota keluarga telah melalui transformasi yang ketara sejak beberapa dekad yang lalu.

Contohnya, hubungan suami isteri bukan lagi berasaskan isteri menurut sahaja segala kata-kata dan kehendak suami. Sebaliknya, hubungan suami isteri adalah berasaskan prinsip perkongsian bersama. Menurut Yaakob Harun (1999: 116-117) institusi keluarga sekarang ini telah mengalami pembezaan struktural dan kebanyakan daripada fungsi tradisinya telah diserahkan kepada berbagai agensi di luar keluarga. Dengan yang demikian, peranan ahli keluarga dalam memenuhi keperluan keluarga juga dikendalikan sebahagiannya oleh agensi luar tersebut. Walaupun pembezaan struktur dapat meningkatkan keupayaan keluarga khususnya dalam bidang ekonomi, tetapi gejala ini juga boleh menggugat keutuhan sesebuah keluarga.

6.3 KEPUTUSAN KAJIAN

Sebanyak empat kategori nilai kekeluargaan telah dikenalpasti daripada teks drama yang dikaji. Kategori-kategori tersebut ialah nilai mengasihi keluarga, bertanggungjawab terhadap keluarga, menghargai anggota keluarga, menghormati anggota keluarga dan berbaik-baik sesama keluarga. Setiap kategori nilai akan dibentangkan berserta dengan contoh-contoh penampilannya. Senarai kategori nilai keluarga adalah seperti yang terdapat dalam Jadual 6.1.

Jadual 6.1: Senarai Kategori Nilai Kekeluargaan

<u>Nilai</u>	<u>Penjelasan</u>
1. Mengasihi keluarga	Perasaan cinta, kasih dan sayang yang mendalam dan berkekalan terhadap keluarga.
2. Bertanggungjawab terhadap keluarga.	Kewajipan yang harus dilaksanakan sebagai anggota keluarga demi untuk melahirkan keluarga yang bahagia atau menjaga kebajikan keluarga.
3. Menghargai anggota keluarga	Memberikan penghormatan serta memuliakan antara satu sama lain dengan berinteraksi secara mesra dan beradab.
4. Berbaik-baik sesama keluarga	Hubungan yang erat dan mesra demi menjaga dan memelihara keharmonian keluarga.

6.3.1 Mengasihi Keluarga

Mary Ann Lamanna dan Agnes Riedmann (1981: 80) mentakrifkan kasih sayang kekeluargaan sebagai “*a deep and vital emotion resulting from significant need satisfaction, coupled with a caring for and acceptance of the beloved, and resulting in an intimate relationship*”. Institusi kekeluargaan berperanan sebagai tempat pemupukan kasih sayang. Dalam lingkungan keluarga, seseorang itu dapat memenuhi keinginan jiwa kasih sayang yang mendalam dan penuh kemesraan yang tidak mungkin diperolehi dalam lingkungan kelompok-kelompok manusia yang lain (Zaleha Kamaruddin, 1997: 178).

Nilai kasih sayang adalah asas untuk menegakkan keluarga yang harmoni dan bahagia. Kesatuan kasih sayang dalam keluarga boleh wujud melalui kemurnian jiwa dan keikhlasan yang berasaskan penghargaan dan hormat-menghormati antara satu sama lain. Perlakuan-perlakuan terhadap keluarga yang timbul dari kasih sayang yang penuh dengan keikhlasan ini akan memberikan satu kepuasan. Sebaliknya tanpa adanya kasih sayang dalam ikatan kekeluargaan akan menimbulkan perasaan ketidakpuasan. Perlakuan-perlakuan terhadap keluarga dibuat secara terpaksa tanpa adanya keikhlasan. Berdasarkan teks drama yang dikaji, nilai mengasihi keluarga ditampilkan sebanyak sepuluh kali.

Dengan adanya ikatan kasih sayang yang kukuh dalam keluarga, keperluan jiwa dan emosi anggotanya akan dapat dipenuhi. Sikap mengambil berat dan penerimaan terhadap orang yang disayangi akan menggerakkan seseorang itu untuk bertindak atau melakukan sesuatu demi kebahagiaan orang yang disayanginya. Hubungan yang sedemikian akan meningkatkan aspirasi dan kekuatan jiwa anggota keluarga. Justeru itu, nilai kasih sayang dalam kehidupan berkeluarga perlulah sentiasa diusaha, dipelihara dan dipupuk supaya ikatan kekeluargaan sentiasa kukuh. Atas sebab-sebab tersebut, Yaacob Harun (1991:13) menyatakan bahawa keluarga merupakan objek yang paling berharga bagi kebanyakan orang. Hal ini dijelaskan dalam drama *Asar Belum Berakhir* seperti berikut:

YATIM: Saya faham, tapi sayangkan diri dan keluarga lebih mahal nilainya pak. Saya tak berkeluarga. Bapak ada anak, bapak kenalah ...

(Teks KKM Tingkatan 3: 150)

Kasih sayang adalah hak semula jadi seseorang anak. Ibu bapa yang menyayangi anak-anak mereka akan sentiasa memberi layanan yang mesra serta sanggup berkorban apa sahaja untuk mereka. Contoh nilai ini terdapat dalam dialog yang berikut:

PENJAHAT 1: Itu kami tak peduli ..., kalau ibu bapa kamu sayangkan kamu, tentu dia akan ambil kamu.

(Teks KKM Tingkatan 3: 174)

Untuk pertumbuhan jiwa anak-anak yang sihat memerlukan beliaian kasih sayang kedua-dua ibu bapa mereka agar mereka tidak rasa terbiar atau diketepikan. Perasaan disayangi ini akan memberikan seseorang anak itu keyakinan diri serta penghargaan kendiri yang merupakan sumber kekuatan jiwanya. Di samping itu, anak juga perlu mengetahui bahawa mereka disayangi oleh ibu bapa mereka. Ikatan rohani dan emosi ibu bapa dengan anak yang sedemikian akan memberikan seseorang kanak-kanak itu satu perasaan keselamatan yang penting bagi pertumbuhan jiwanya. Anak yang terdidik dengan kasih sayang ini juga akan menyayangi ibu bapa mereka. Hal ini digambarkan melalui watak Yatim dalam drama *Asar Belum Berakhir* seperti berikut:

ORANG TUA: Ya, aku tahu penderitaanmu, nak Yatim. Kau anak yang baik, sayangkan ibu bapa.

(Teks KKM Tingkatan 3: 147)

Tegasnya, kasih sayang boleh membawa kesan yang hebat pada kehidupan berkeluarga. Namun demikian, ia boleh juga membawa kepada kepincangan jika tidak disalurkan dengan cara yang sepatutnya. Ibu bapa haruslah tahu mencurahkan kasih

sayang dan menunjukkan kemesraan sewajarnya kepada anak-anak mereka. Anak-anak yang dimanjakan dan diberikan kasih sayang yang keterlaluan akan menjadi tidak terkawal sehingga merosakkan akhlaknya. Dalam drama *Asar Belum Berakhir*, Orang Tua yang terlalu dimanjakan oleh ibu bapanya menjadi seorang yang rendah akhlaknya serta hina. Beliau juga jahil dalam hal-hal agama leka dengan segala kemewahan yang ditinggalkan oleh ibu bapanya telah menjalani kehidupan dengan melakukan maksiat seperti berjudi, minum arak dan berfoya-foya dengan perempuan.

6.3.2 Bertanggungjawab Terhadap Keluarga

Tanggungjawab ialah kewajipan yang dipikul oleh seseorang (Kamus Dewan, 1994: 1371). Setiap anggota keluarga mempunyai tanggungjawab yang tertentu dan keharmonian sesebuah keluarga itu amat bergantung kepada bagaimana setiap anggotanya menjalankan tanggungjawab tersebut seperti mana yang diharapkan. Melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga merupakan proses yang berterusan sepanjang kehidupan berkeluarga bagi menjamin keharmonian yang berkekalan.

Ikatan perkahwinan telah menetapkan tanggungjawab bagi setiap pasangan suami isteri dan mereka wajib menjalankan tanggungjawab masing-masing sama ada sebagai suami, isteri atau ibu bapa dalam mengendalikan keluarga. Dalam institusi keluarga, peranan bapa amat penting kerana dia merupakan ketua atau pemimpin keluarga. Seorang bapa bertanggungjawab terhadap segala keperluan tanggungannya baik dari segi kebendaan maupun kerohanian. Dalam memenuhi keperluan ini, ia

perlu memilih jalan atau arah yang ingin dituju serta peka kepada kehendak-kehendak pembangunan dan berusaha membawa anggota keluarganya ke arah pembangunan tersebut. Sehubungan dengan itu, ia perlu sedaya upaya menyiapkan ahli keluarganya dengan nilai-nilai yang diperlukan bagi pembangunan tersebut sama ada duniawi atau ukhrawi. Hal ini ditegaskan dalam dialog yang berikut:

YATIM: Tugas bapak menjaga ahli keluarganya, anak-anaknya dari api neraka.

(Teks KKM Tingkatan 3: 150)

Memberi pendidikan kepada anak-anak adalah tanggungjawab ibu bapa yang paling utama. Anak adalah amanah Allah yang tidak ternilai. Ibu bapa perlu mempunyai kesedaran akan amanah dan tanggungjawab yang dipikul dalam mendidik anak-anak supaya menjadi manusia berguna yang akan sanggup memikul tugas khalifah Allah di bumi ini. Oleh itu, mereka seharusnya dididik dengan sebaik-baiknya dan kedua-dua suami dan isteri hendaklah sama-sama memainkan peranan dalam usaha pembentukan akhlak anak-anak mereka. Malah bagi ibu bapa Islam, tanggungjawab mereka terhadap anak bermula sejak bayi masih dalam kandungan lagi. Sebaik-baik sahaja anak itu dilahirkan, bermulalah tanggungjawab yang lain seperti mengazangkan anak tersebut, kemudian diikuti dengan mencukur rambut, mengakikahkannya, memberi nama yang baik, mengkhatankannya, dan seterusnya sehingga anak itu dewasa. Anak-anak yang dididik dengan sempurna akan mempunyai jiwa yang teguh dan sentiasa patuh kepada didikan orang tuanya. Contoh penampilan nilai ini terdapat dalam dialog berikut:

TUN FATIMAH: ... Semenjak patik sekerat lengan hingga besar panjang ini, patik hanya dididik menurut perintah orang. Ayah patik telah menurut dan membawa didikan yang diberi oleh nenda patik.

(Teks KKM Tingkatan 1: 144)

Sehubungan dengan itu, ibu bapa hendaklah sentiasa mendorong dengan cara menasihat, menegur dan memupuk sifat-sifat positif demi kejayaan anak-anak mereka. Dalam drama *Adik Berjasa*, Pak Kamis menasihati dan menegur anaknya agar tidak mengabaikan pelajaran demi untuk masa depannya.

PAK KAMIS: ... Dengan pelajaran kita dapat meninggikan taraf hidup kita. Tapi yang lebih penting lagi, dengan pelajaranlah dapat kita membezakan mana yang baik dan jahat.

AHMAD: Saya sedar semuanya itu, ayah. Saya berjanji akan belajar lagi.

(Teks KKM Tingkatan 3: 162)

PAK KAMIS: Ayah tak mlarang kau main. Akal yang sihat itu ada dalam badan yang sihat. Tapi kalau sudah terlalu bermain, nanti buruk akibatnya.

(Teks KKM Tingkatan 3: 164)

Menitikberatkan kepercayaan dan amalan-amalan agama kepada anak-anak juga salah satu daripada tanggungjawab ibu bapa. Melaksanakan tanggungjawab ini dengan sempurna akan dapat memperteguhkan peribadi seseorang anak itu. Dalam drama *Jerat*, ibu bapa Lamin amat menitikberatkan agar Lamin patuh kepada ajaran agama. Dan Lamin juga digambarkan sebagai seorang yang mempunyai peribadi yang baik serta

patuh kepada suruhan serta nasihat ibu bapanya. Penegasan terhadap didikan agama terdapat dalam dialog yang berikut:

AYAH: Dah, sekarang Min pergi mandi dulu. Lepas sembahyang nanti kita makan nasi bersama.

(Teks KKM Tingkatan 1: 148)

Anak juga perlu memahami peranan dan tanggungjawabnya terhadap ibu bapa. Anak yang bertanggungjawab menghormati dan mentaati ibu bapa sebagai kewajipan yang perlu dilakukan. Perasaan kasih sayang dan tanggungjawab terhadap ibu bapanya membuatkan seseorang anak itu tidak tergamak untuk melukakan hati orang tuanya. Islam memberi kedudukan yang tinggi kepada ibu bapa sehingga anak-anak dituntut mentaati dan berbuat baik kepada mereka, seperti mana Firman Allah dalam Surah al-Israk, ayat 23 yang bermaksud: "...*Dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapamu dengan sebaik-baiknya*". Menurut Syeikh Mustafa Al-Ghalayani (1996: 208-209) tanggungjawab anak terhadap ibu bapa terpenting dan wajib didahulukan berbanding dengan tanggungjawabnya yang lain.

Termasuk dalam tanggungjawab anak terhadap ibu bapa ialah menjaga mereka pada usia tuanya. Berbakti kepada ibu bapa yang telah tua ini merupakan tanda terima kasih dan penghargaan anak kepada mereka atas pengorbanan dan kasih sayang yang telah berikan walaupun jasa dan pengorbanan mereka tidak dapat dibalas dengan apa sekalipun. Penegasan nilai ini terdapat dalam dialog berikut:

BUYUNG: ... Kalau patik dihukum, siapalah nanti yang akan menjaga ibu patik yang sudah tua. (*Buyung kelihatan bersedih*).

(Teks KKM Tingkatan 2: 147)

Anak yang bertanggungjawab juga sentiasa mengambil berat tentang keluarganya dan tidak akan membiarkan kehidupan mereka terumbang ambing dan melarat. Dia akan berusaha untuk memainkan peranan yang tertentu atau membuat penyesuaian peranan bagi memenuhi keperluan keluarganya. Contoh nilai ini ditampilkan melalui watak Ahmad dalam drama *Adik Berjasa* yang berusaha untuk membawa keluarganya keluar dari kesempitan hidup apabila bapanya jatuh sakit dan tidak lagi berupaya untuk menyara keluarganya.

AHMAD: Apa yang nak saya lakukan, semuanya atas kepentingan keluarga kita juga, ayah. Hampir dua bulan ayah sakit. Ayah tak dapat bekerja.

PAK KAMIS: Jadi kau nak tolong ayahlah, ya? Hm ... rancangan dan cita-cita kau memang baik, Ahmad. Apakan daya, tiba-tiba ayah sakit. Tapi, sudah tak ada jalan yang lain lagi?

(Teks KKM Tingkatan 3: 160 – 161)

AHMAD: (*Mendekati ayahnya*) Apalah yang nak disedihkan, ayah. Semuanya itu kehendak Tuhan. Kita bersabar sajalah. Biarlah saya bekerja. Dapat juga membantu keluarga.

(Teks KKM Tingkatan 3: 161)

Kajian terhadap teks drama mendapati nilai bertanggungjawab terhadap keluarga telah ditampilkan sebanyak sembilan kali.

6.3.3 Menghargai Anggota Keluarga

Kamus Dewan (1994: 441) antara lain memberikan makna “menghargai” sebagai memberikan penghormatan seperti pujian dan sanjungan, menghormati, memuliakan, mengendahkan. Sebagai kelompok yang rapat dan mesra, interaksi kekeluargaan akan menjadi lebih erat dan mesra jika anggota keluarga saling menghormati, memuji, dan memberi sokongan antara satu sama lain. Keadaan ini akan mengukuhkan lagi ikatan kekeluargaan serta dapat memupuk penghargaan diri anggotanya (Denise Ann Bodman dan Gary W. Peterson, 1995: 217). Di samping itu, amalan saling menghargai antara satu sama lain mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap keperibadian anggota keluarga (Belen T. Medina, 1991: 2).

Saling menghargai dalam proses sosialisasi keluarga merupakan amalan sihat yang boleh membawa kepada keunggulan keluarga. Kajian yang dijalankan oleh H.M. Dahlan (1997: 96) menunjukkan proses sosialisasi dalam keluarga yang bersifat positif akan dapat membantu anggotanya mencapai keyakinan diri serta rasa harga diri yang seimbang dan pasti. Lingkungan sosialisasi yang sedemikian akan menjadikan anggota keluarga berasa puas dan bahagia dengan keadaan diri masing-masing, sentiasa ingin bersama-sama serta sentiasa bersedia untuk melakukan apa sahaja demi kebaikan dan kebahagiaan keluarganya.

Kepakaan anggota keluarga terhadap nilai saling menghargai akan menjadikan mereka lebih beradab semasa berinteraksi. Mereka akan menghormati dan memuliakan antara satu sama lain berdasarkan status mereka dalam keluarga. Ibu bapa sentiasa

dihormati dan di kalangan adik beradik pula, yang muda menghormati yang lebih tua. Lingkungan sosialisasi yang sedemikian akan dapat memupuk rasa kekitaan di kalangan anggota keluarga. Namun demikian, anggota keluarga yang ingin dihormati sewajarnya turut menghormati anggota keluarga yang lain. Hanya dengan perhubungan yang beradab akan dapat menjamin keharmonian hidup berkeluarga berkekalan. Penegasan terhadap nilai menghargai keluarga ini terdapat dalam dialog-dialog yang berikut:

PUTERI HANG LI PO: Ampun tuanku, tiadalah ada apa-apa yang tidak kena dengan patik, hanya jika ada kurnia tuanku suka cita patik menyampaikan salam hormat dan sembah patik ke Bawah Duli Tuanku Raja Cina ayahanda patik. Patik harap tuanku sebagai suami patik dan menantu kepada paduka ayahanda raja; tuanku akan turut sama menyampaikan ucapan selamat patik ini.

(Teks KKM Tingkatan 5: 139)

RADEN GALOH: ... Kakanda berutus salam dan bingkisan buat ayahanda bonda. Kanda Sultan turut diminta mengirim sembah salamnya ...

(Teks KKM Tingkatan 5: 141)

Menghargai keluarga juga turut meliputi amalan yang berupa pujian atau sanjungan terhadap usaha-usaha murni yang dilakukan oleh anggota keluarga. Amalan yang sedemikian akan membolehkan anggota keluarga lebih menyedari tentang kekuatan dan keistimewaan diri sendiri dan ahli yang lain secara kolektif sebagai satu keluarga. Contoh penampilannya terdapat drama *Jerat* seperti berikut:

LAMIN: Masakan ibu hari ini sedaplah.

IBU: Terima kasih, Min. Ibu tahu Min suka makan nasi bergulaikan masak lemak cili api ni.

AYAH: Ibu Min memang pandai masak. Ibu Min tahu yang mana satu kegemaran Min.

(Teks KKM Tingkatan 1: 149)

Kajian terhadap teks drama mendapati nilai menghargai keluarga telah ditampilkan sebanyak lima kali.

6.3.4 Berbaik-baik Sesama Keluarga

Berbaik-baik bermakna tidak bermusuhan atau bertengkar (Kamus Dewan, 1994: 89). Dalam konteks kekeluargaan, berbaik-baik sesama anggota keluarga merupakan asas yang akan menentukan keharmoniannya. Keluarga yang terdiri daripada anggota yang mempunyai pelbagai minat, keperluan, dan kepentingan boleh menimbulkan krisis atau perselisihan yang akan memberi kesan terhadap keharmoniannya. Walaupun perselisihan yang berlaku di kalangan adik-beradik biasanya dianggap sebagai sementara sahaja, namun perselisihan ini boleh menggugat keharmonian keluarga. Lantaran itu, adalah mustahak bagi anggota keluarga untuk mengamalkan sikap bertoleransi dan mempunyai kemauan untuk sentiasa berbaik-baik antara satu sama lain agar keharmonian keluarga itu sentiasa dapat dipertahankan.

Anggota keluarga yang saling berbaik-baik akan dapat mewujudkan perasaan kekitaan yang berdasarkan kasih sayang dan semua anggota keluarga dianggap sebagai

satu kesatuan. Keadaan ini akan meningkatkan komitmen anggota terhadap keluarganya dan akan berusaha untuk meningkat dan mempertahankan maruah keluarga (Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, 1993: 37).

Sebanyak dua kali nilai berbaik-baik sesama keluarga telah ditampilkan. Dalam drama *Penunggu Pusaka*, Peguam membacakan wasiat Anjang Bin Kotot berkaitan dengan harta-harta peninggalannya. Dalam wasiatnya, arwah Anjang mewasiatkan agar anak-anaknya hidup berbaik-baik dan aman damai sesama mereka.

PEGUAM: (*Membaca*) "Adalah saya, Anjang bin Kotot, kad pengenalan bernombor 1654321, dengan ini mewasiatkan supaya harta-harta peninggalan saya ... Hiduplah kamu berbaik-baik dan aman damai selama-lamanya, semoga roh ayah akan berbahagia hingga ke akhirat.

(Teks KKM Tingkatan 2: 116)

Dalam drama *Puteri Li Po*, Sultan Mansor menasihatkan keempat-empat isterinya agar berbaik-baik dan bermesra antara satu sama lain.

SULTAN MANSOR: ... Kakanda harap adinda berempat akan bermesra dan berbaik-baik demi kepentingan kebesaran dan kemuliaan kerajaan Melaka...

(Teks KKM Tingkatan 5: 138)

6.4 ANALISIS DATA

Jadual 6.2 menunjukkan taburan kekerapan dan peratus penampilan nilai kekeluargaan yang terdapat dalam teks drama yang dikaji dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Hasil kajian mendapati sebanyak 26 kali nilai kekeluargaan telah ditampilkan, iaitu 3.47% dari keseluruhan 749 kali penampilan nilai. Penampilan nilai ini adalah yang terendah berbanding dengan penampilan jenis nilai yang lain.

Jadual 6.2: Taburan kekerapan dan peratus penampilan nilai kekeluargaan mengikut kategori dan tingkatan persekolahan.

Nilai	Tingkatan					Jumlah (Peratus)
	1	2	3	4	5	
1. Mengasihi keluarga	2	2	6			10 (38.46)
2. Bertanggungjawab kepada keluarga	2	1	6			9 (34.62)
3. Menghargai anggota keluarga	2				3	5 (19.23)
4. Berbaik-baik sesama keluarga		1			1	2 (7.69)
Jumlah (Peratus)	6 (23.09)	4 (15.38)	12 (46.15)	0 (0)	5 (15.38)	26 (100)

Daripada enam kategori nilai kekeluargaan yang telah dikenalpasti, nilai mengasihi keluarga paling banyak ditampilkan iaitu sebanyak 10 kali atau 38.46%. Diikuti oleh nilai bertanggungjawab kepada keluarga sebanyak sembilan kali (34.62%), menghargai anggota keluarga sebanyak lima kali (19.23%) dan berbaik-baik sesama keluarga ditampilkan sebanyak dua kali (7.69%).

Kajian terhadap penampilan nilai kekeluargaan mengikut tingkatan persekolahan mendapati Tingkatan 3 menunjukkan kekerapan yang paling tinggi iaitu sebanyak 12 kali atau 46.15%. Diikuti oleh Tingkatan 1 sebanyak enam kali (23.09%), dan Tingkatan 5 dan 2 masing-masing sebanyak empat kali atau 15.38%. Dapatkan kajian menunjukkan tiada nilai kekeluargaan ditampilkan dalam teks drama bagi Tingkatan 4. Kajian juga menunjukkan sebahagian besar nilai kekeluargaan iaitu sebanyak 22 kali penampilan (84.62%) terdapat dalam teks drama menengah rendah, manakala hanya empat kali penampilan atau 15.38% dalam teks menengah atas. Pada peringkat menengah atas, kesemua nilai tersebut ditampilkan dalam teks drama Tingkatan 5. Butiran lengkap penampilan nilai kekeluargaan mengikut tajuk drama dan tingkatan persekolahan dapat diperolehi daripada Lampiran C.

6.5 KESIMPULAN

Fenomena-fenomena yang berlaku dalam sesebuah keluarga memberi implikasi yang besar terhadap keunggulannya. Jika orientasi nilai yang dipegang oleh sesebuah keluarga itu berasaskan nilai-nilai murni kekeluargaan, maka keluarga itu akan dapat mencapai kesepaduan dan keharmoniannya. Dapatkan kajian menunjukkan nilai-nilai yang ditampilkan merupakan asas dalam pembentukan keluarga yang utuh, namun penampiliannya yang paling sedikit berbanding dengan penampilan jenis nilai yang lain serta tidak terdapat kesinambungan dan konsistensi dalam penampilan nilai mengikut tingkatan persekolahan boleh menjelaskan usaha-usaha untuk pelajar membuat penilaian bagi memperluaskan penghargaan dan emosi terhadap keluarga secara berterusan.

Bagi pelajar-pelajar sekolah menengah, mereka telah mempunyai orientasi nilai keluarganya yang tersendiri berdasarkan pengalaman-pengalaman yang didapati dari keluarganya. Oleh itu, penerapan nilai kekeluargaan pada peringkat sekolah menengah seharusnya berdasarkan kepada unsur-unsur tatatingkat dan kepelbagaiannya. Dengan unsur tatatingkat ini bermakna nilai yang ditampilkan mengambil kira kesesuaianya dengan peringkat kematangan dan keperluan pelajar. Dengan unsur kepelbagaian nilai pula pelajar yang datang dari latar belakang keluarga yang berlainan mempunyai perspektif yang lebih luas tentang nilai kekeluargaan yang dapat membantu mereka membuat penilaian terhadap perkara-perkara berkaitan dengan keluarga.